



Implementation of Neuro Nadi Method in Al-Qur'an Studies in Brunei

Implementasi Kaedah Neuro Nadi dalam Pengajian Al-Qur'an di Brunei

Nurhamizah Jasni^{1*}, Mariam Abdul Rahman²

¹Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Bandar Seri Begawan, BE1310, BRUNEI

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Bandar Seri Begawan, BE1310, BRUNEI

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2022.03.01.005>

Received 29 March 2022; Accepted 20 April 2022; Available online 24 July 2022

Abstract: Neuro Nadi Method or known as Al-Baghdadi Method is a new method in the study of Qur'an in Brunei Darussalam. The diversity of forms and techniques in the study of Qur'an should be emphasized in order to increase the Qur'an reading among the community especially in Brunei. Therefore, surveys have been conducted on respondents studying using Neuro Nadi Method. Observations were also made to see its effectiveness in the study of Qur'an. The important elements have been discussed including the teaching techniques and aids used. Through positive effects and reactions from the respondents, Neuro Nadi Method in al-Qur'an studies that following the current teaching and learning will be able to help attract the people in this country to pursue the study of Qur'an and subsequently produce a generation who are morally noble and educated in the Qur'an studies.

Keywords: Method, Neuro Nadi, studies, al-Qur'an, Brunei.

Abstrak: Kaedah Neuro Nadi atau Kaedah Al-Baghdadi adalah kaedah yang baharu di dalam pengajian al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam. Kepelbagaian bentuk dan teknik dalam pengajian al-Qur'an perlu dititikberatkan bagi meningkatkan pembacaan al-Qur'an di kalangan masyarakat khususnya di Brunei. Justeru itu, kaji selidik telah dibuat terhadap responden yang mengikuti pengajian menggunakan Kaedah Neuro Nadi ini. Pemerhatian juga dilaksanakan bagi melihat keberkesannya dalam pengajian al-Qur'an. Unsur-unsur penting dibincangkan termasuklah teknik pengajaran dan alat bantu mengajar yang digunakan. Melalui kesan dan tindak balas yang positif daripada responden, Kaedah Neuro Nadi di dalam pengajian al-Qur'an yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran semasa akan dapat lagi membantu menarik minat masyarakat di negara ini untuk mengikuti pengajian al-Qur'an dan seterusnya melahirkan generasi yang berakhlak mulia dan berpendidikan al-Qur'an.

Kata Kunci: Kaedah, Neuro Nadi, pengajian, al-Qur'an, Brunei

1. Pengenalan

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mempraktikkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Istilah Islam di sini adalah sebagai agama yang diredhai oleh Allah S.W.T yang menjadi teras pemerintahan dan telah termaktub di dalam Perlembagaan Negara Brunei 1959 sebagai agama rasmi negara mengikut Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang bermazhabkan Imam Syafi'e. Sebagaimana Islam dijadikan sebagai sebuah pegangan negara, sudah setentunya al-Qur'an adalah sumber utama ketamadunan Islam.

Al-Qur'an adalah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi junjungan kita Muhammad S.A.W yang mengandungi mukjizat agung daripada Allah. Al-Qur'an diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Kaedah ataupun teknik dalam pengajian al-Qur'an sangatlah meluas antaranya Kaedah Talaqqi Mushafahah, Kaedah Tasmik, Kaedah Tadarus, Kaedah Al-Matien, Kaedah Hattawiyah, Kaedah Iqra', Kaedah Al-Baghdadi dan sebagainya. Kaedah pertama dalam mengajar al-Qur'an kepada masyarakat awal Islam di tanah Melayu adalah dengan menggunakan pendekatan talaqqi dan mushafahah, sehinggalah kaedah tersebut berkembang mengikut keperluan dan kesesuaian kaedah pengajaran semasa. Allah S.W.T berfirman di dalam al-Qur'an:

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً. (المزمل: 4)

Maksudnya: "Dan bacalah al-Qur'an dengan tartil". (Al-Muzzammil: 4)

Ayat ini memerintahkan kita supaya membaca al-Qur'an dengan perlahan-lahan sehingga menolong memahami al-Qur'an. Pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an hendaklah dititikberatkan kerana isi yang terkandung di dalamnya menjadi sumber asas dalam pembinaan manusia. Membaca al-Qur'an merupakan ibadah yang diberi pahala oleh Allah S.W.T. Kejayaan generasi muda menguasai bacaan al-Qur'an tidak terletak kepada tanggungjawab guru semata-mata. Ibu bapa harus melibatkan diri dalam memberi penekanan pendidikan al-Qur'an terhadap anak-anak mereka. Penggunaan teknologi baru mempunyai implikasi yang diakui mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan menyumbang kepada kelancaran pendidikan yang melibatkan semua subjek, termasuk pendidikan Islam.

Terdapat kajian mendapati bahawa legasi kaedah pengajaran tertua secara talaqqi dan mushafahah diteruskan sehingga hari ini, namun dalam acuan yang berbeza. Setiap pendekatan yang diperkenalkan dan diamalkan adalah dengan tujuan yang sama iaitu melatih kemahiran dan kebolehan membaca al-Qur'an dengan cara mudah dan pantas tetapi masih meraikan hukum-hukum tajwid sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah S.A.W. Kajian lain mendapati bahawa strategi pembelajaran dan pengajaran yang digunakan dalam menyampaikan pengajian al-Qur'an masih menggunakan kaedah yang biasa digunakan iaitu interaksi dua hala di antara penyampai dan penonton (antara guru dan pelajar) melalui televisyen adalah salah satu kaedah yang efektif dalam pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an.

Manakala kaedah bacaan al-Qur'an menggunakan Kaedah Neuro Nadi merupakan pendekatan belajar al-Qur'an yang telah diberi nafas baru di samping mengambil kira keperluan pelajar-pelajar masa kini yang lebih menumpukan kepada pembelajaran secara santai dan menyeronokkan. Penyusunan sukatan yang ringkas serta mencukupi keseluruhan panduan belajar membaca al-Qur'an yang disusun di dalam buku yang digunapakai menonjolkan keistimewaan mempelajari kaedah ini. Lebih menarik lagi, pembelajaran di peringkat asas bacaan al-Qur'an Kaedah Neuro Nadi yang menggunakan 'Alat Ketuk' sebagai Alat Bantu Mengajar mampu memaksimumkan lagi penguasaan membaca al-Qur'an dengan cepat dalam kalangan pelajar.

2. Kaedah Neuro Nadi


Kaedah Neuro Nadi atau juga dikenali sebagai Kaedah Al-Baghdadi berasal dari Malaysia dan mula diperkenalkan pada tahun 2009. Pengasas kaedah ini iaitu Ustaz Jalaluddin bin Haji Hassanuddin telah melibatkan diri lebih 10 tahun dalam pendidikan al-Qur'an. Beliau mengambil inisiatif untuk melakukan transformasi dalam proses pembelajaran dan pengajaran al-Qur'an supaya pengajian al-Qur'an lebih mudah, menarik dan berkesan serta dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat.

Kaedah Neuro Nadi telah terhasil secara rasminya pada Mac 2009. Set Buku Teknik Al-Baghdadi menggunakan sistem Struktur, Analisis dan Sintesis atau dikenali juga sebagai (SAS). Ianya padat dan ringkas serta kreatif melalui penemuan Alat Bantu Mengajar atau (ABM) yang dinamakan sebagai Alat Ketuk. Di Negara Brunei Darussalam, pusat pengajian al-Qur'an yang menggunakan Kaedah Neuro Nadi ini dikenali sebagai Pusat Pengajian Nadi Quranic ataupun *Nadi Quranic Learning Centre*.

Kaedah Neuro Nadi ini adalah suatu teknik yang dikira baharu di Brunei dan belum terdapat kajian ilmiah yang dilakukan secara terperinci terhadap kaedah ini khususnya di Negara Brunei Darussalam. Bagi menyokong hasrat Brunei untuk melahirkan generasi yang celik al-Qur'an demi mencapai wawasan Brunei 2035, maka kajian mengenai kaedah ini telah dijalankan. Melalui kajian ini juga diharapkan dapat membantu masyarakat dalam mengikuti pengajian asas al-Qur'an secara mudah, berkesan dan bersistematik.


Kaedah Neuro Nadi ini memberikan tumpuan kepada 6 kemahiran asas membaca al-Qur'an iaitu 29 huruf hijaiyyah, tanda baris, tanwin, mad, sukun dan sabdu. Teknik SAS (Struktur, Analisis dan Sintesis) digunakan bagi pengukuhan menguasai 336 bunyi dalam al-Qur'an. Terdapat dua buah buku di dalam pengajian asas membaca al-Qur'an mengikut Kaedah Neuro Nadi ini yang dinamakan Tamhid Al-Baghdadi dan juga Tajwid Al-Baghdadi.

Buku Tamhid Al-Baghdadi merupakan bahan kemahiran asas membaca al-Qur'an yang mengandungi 11 bab pembelajaran yang menekankan 6 prinsip asas yang perlu dikuasai untuk membaca al-Qur'an. Asas-asas tersebut ialah keupayaan mengenal dan membaca 29 huruf hijaiyyah dengan baik, kemampuan membaca tanda baris dua bacaan (tanwin), keupayaan mengenal tanda bacaan panjang (mad), kemampuan membaca tanda bacaan mati (sukun) dan kemahiran menguasai tanda bacaan berganda (sabdu). Buku Tamhid Al-Baghdadi yang digunakan adalah seperti di dalam **Rajah 1**.



Rajah 1 - Buku Tamhid Al-Baghdadi

Manakala Buku Tajwid Al-Baghdadi, seperti di dalam **Rajah 2**, merupakan siri pelengkap kepada Tamhid Al-Baghdadi. Tajwid Al-Baghdadi merangkumi 10 bab pembelajaran yang menekankan prinsip asas dan amali dalam pembelajaran dan pengajaran tajwid al-Qur'an. Kemampuan seseorang menguasai ilmu tajwid dan asas bacaan yang baik banyak bergantung kepada bagaimana ia menguasai makhraj-makhraj huruf iaitu tempat keluarnya huruf-huruf hijaiyyah di dalam struktur asas bacaan, menguasai teknik bacaan dan cara menyebut yang jelas dan mudah bagi huruf-huruf yang banyak berubah daripada segi bacaannya apabila bertemu dengan huruf-huruf yang lain di dalam ayat al-Qur'an seperti huruf nun, mim dan sebagainya dan keupayaan menguasai tanda bacaan waqaf iaitu cara berhenti dan menyambung bacaan.



Rajah 2 - Buku Tajwid Al-Baghdadi

Dengan penemuan Alat Ketuk Al-Baghdadi, ianya menjadikan kaedah ini lebih menarik dan bersistematik. Alat Ketuk ini terdiri daripada 'Papan Ketuk' dan 'Kayu Ketuk'. Alat ini digunakan bagi membentuk tempo bacaan serta membentuk disiplin bacaan yang tinggi bagi mewujudkan pola bacaan al-Qur'an mengikut intonasi yang tersusun. Ianya memenuhi keperluan kinestetik anggota khususnya dalam mencapai tahap kemahiran tinggi logik dan matematik, memenuhi 3 ciri teknik pembelajaran berkesan dengan melibatkan bahan, guru dan pelajar serentak dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, membantu meningkatkan tahap penumpuan kepada proses pembelajaran dengan mengaktifkan otak kiri dan kanan serentak dalam proses pembelajaran dan memenuhi ciri-ciri teori kecerdasan pelbagai

(*Multiple Intelligence*) yang diperkenalkan oleh Howard Gardner dalam pendidikan awal kanak-kanak. Alat Ketuk ini boleh dilihat pada **Rajah 3**.



Rajah 3 - Alat ketuk Al-Baghdadi (papan ketuk dan kayu ketuk)

3. Metodologi

Pengkaji menggunakan penyelidikan secara perpustakaan dan lapangan dalam kajian ini. Ianya bertujuan untuk memberikan penjelasan bagaimana kajian ini dijalankan dalam mendapatkan data-data dan dianalisis bagi mendapat maklumat yang sahih.

Bagi mencapai tujuan artikel ini, pengkaji menggunakan kaji selidik dan pemerhatian sebagai instrumen kajian. Kajian dokumen juga digunakan bagi mengumpul data yang diperlukan dan ianya diperolehi daripada bahan-bahan yang bertulis ataupun bercetak seperti jurnal, buku-buku dan gambar. Pusat Pengajian Nadi Quranic, Beribi, Jangsak, Brunei menjadi lokasi kajian kerana pusat ini adalah pusat pengajian pertama yang menggunakan Kaedah Neuro Nadi di Brunei Darussalam dalam pengajian al-Qur'an.

Sampel kajian terdiri daripada 10 orang pelajar dari Pusat Pengajian Nadi Quranic, Beribi, Jangsak. Semua responden yang terpilih melalui pemilihan sampel telah diagihkan borang soal selidik. Responden adalah terdiri daripada pelajar dewasa dan juga warga emas yang mengikuti pengajian al-Qur'an menggunakan Kaedah Neuro Nadi di Pusat Pengajian Nadi Quranic, Beribi, Jangsak. Set soal selidik telah dikemukakan kepada responden untuk dilengkapkan. Item soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai latar belakang responden. Manakala bahagian kedua tertumpu kepada proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an menggunakan Kaedah Neuro Nadi.

Jenis item yang dikemukakan di dalam soal selidik ini senang dan mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberi jawapan. Responden memberikan pernyataan mengikut skala yang diberikan oleh pengkaji. Proses soal selidik dijalankan dengan penerangan ringkas kepada pengurus dan tenaga pengajar Pusat Pengajian Nadi Quranic. Seterusnya pihak pusat mengagihkan borang soal selidik kepada responden yang terpilih.

Tujuan pemerhatian dilakukan ialah bagi membuat kesimpulan melalui pendekatan induktif sekaligus pengkaji dapat merasa apa yang dirasakan oleh responden soal selidik. Berdasarkan kaedah pemerhatian, pengkaji dapat melihat sendiri bentuk-bentuk permasalahan dan pengolahan yang wujud dalam proses pembelajaran dan pengajaran Kaedah Neuro Nadi serta maklum balas pelajar terutamanya pelajar dari kalangan kanak-kanak.

Data untuk kajian ini dikumpulkan melalui data kualitatif dan kuantitatif. Analisa dokumen digunakan bagi menyokong data kajian yang diperolehi.

4. Hasil Dapatan Kajian

Dalam memperolehi pandangan masyarakat terhadap Kaedah Neuro Nadi ini, pengkaji telah membuat soal selidik kepada 10 orang responden yang terdiri daripada pelajar dewasa yang mengikuti pengajian menggunakan Kaedah Neuro Nadi. Pelajar dewasa di Pusat Pengajian Nadi Quranic, Beribi, Jangsak ini terdiri daripada golongan yang berumur 18 tahun ke atas.

Item-item yang diukur di dalam soal selidik ini adalah (1) Kaedah Neuro Nadi senang dan mudah difahami, (2) buku yang digunakan sangat membantu kerana ianya ringkas dan padat, (3) Alat Ketuk yang digunakan membantu lebih berdisiplin dalam membaca al-Qur'an, (4) pengajaran yang dibawakan guru tidak membosankan, (5) menguasai bunyi huruf-huruf hijaiyyah, (6) Kaedah Neuro Nadi meningkatkan daya ingatan dan (7) menyarankan masyarakat agar mengikuti kelas Neuro Nadi.

Proses soal selidik dijalankan dengan penerangan ringkas kepada pengurus dan juga tenaga pengajar di pusat berkenaan. Kemudian soal selidik diagihkan kepada pelajar-pelajar yang terpilih. Responden memberikan pernyataan mengikut skala yang sudah diberikan oleh pengkaji. Persetujuan pendapat responden dinilai berdasarkan (1 = Sangat

Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Setuju, 4 = Sangat Setuju). Secara keseluruhan, maklum balas daripada responden menunjukkan keputusan yang positif dengan nilai 3 dan 4, seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 1**.

Jadual 1 - Maklum balas bagi semua item

Item	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Setuju (3)	Sangat Setuju (4)
Kaedah Neuro Nadi senang dan mudah difahami	0	0	4	6
Buku yang digunakan sangat membantu kerana ianya ringkas dan padat	0	0	5	5
Alat Ketuk yang digunakan membantu lebih berdisiplin dalam membaca al-Qur'an	0	0	5	5
Pengajaran yang dibawakan guru tidak membosankan	0	0	4	6
Menguasai bunyi huruf-huruf hijaiyyah	0	0	5	5
Kaedah Neuro Nadi meningkatkan daya ingatan	0	0	5	5
Menyarankan masyarakat agar mengikuti kelas Neuro Nadi	0	0	1	9

4.1. Modul Kaedah Neuro Nadi

Di Negara Brunei Darussalam, modul pembelajaran Neuro Nadi merangkumi lima tahap. Tahap pertama ialah modul Tamhid Neuro Nadi iaitu pembelajaran asas bacaan al-Qur'an teknik Neuro Nadi. Modul ini amat sesuai bagi mereka yang baru belajar al-Qur'an ataupun mereka yang ingin memantapkan bacaan asas al-Qur'an. Pada tahap ini, pelajar akan menggunakan Buku Tamhid Al-Baghdadi dan juga Alat Ketuk Al-Baghdadi. Bagi kanak-kanak yang berumur 6 tahun ke bawah, mereka dibekalkan dengan tambahan Set Buku Aktiviti Al-Baghdadi.

Modul Tamhid Neuro Nadi ini dibahagikan kepada beberapa kategori ataupun kelas iaitu Tamhid Dewasa, Tamhid Kanak-Kanak, Tamhid Kindergarten (lingkungan umur 3 sehingga 6 tahun) dan juga kelas Tamhid khusus bagi ibu-ibu mengandung. Waktu pembelajaran bagi modul Tamhid ialah selama 2 jam setiap 1 sesi dan boleh disempurnakan selama lebih kurang 3 atau 4 bulan bagi kelas dewasa dan kanak-kanak. Manakala bagi kelas Tamhid Kindergarten boleh disempurnakan selama lebih kurang 6 bulan.

Modul Tajwid Neuro Nadi adalah modul kedua iaitu pembelajaran asas tajwid al-Qur'an teknik Neuro Nadi. Bagi pelajar yang sudah menamatkan modul tahap pertama, mereka bolehlah menyambung modul kedua ini. Bagi mereka yang tidak mengikuti modul pertama dan ingin terus mengikuti modul kedua juga dibolehkan. Pada tahap ini, pelajar menggunakan Buku Tajwid Al-Baghdadi sebagai panduan belajar. Bagi pelajar yang menyertai modul pertama sebelumnya, mereka masih boleh menggunakan Buku Tamhid Al-Baghdadi dan Alat Ketuk Al-Baghdadi sebagai bantuan untuk mereka membaca dengan lebih berdisiplin dan dengan intonasi yang tersusun. Penghalusan bacaan al-Qur'an akan lebih difokuskan dengan bacaan yang betul berpandukan hukum-hukum tajwid yang dipelajari pada tahap ini.

Seterusnya Modul Pra Talaqqi Neuro Nadi merupakan modul ketiga iaitu pembacaan surah-surah pilihan beramai-ramai dengan bimbingan guru. Tahap ini adalah sebagai persediaan dan juga latihan bagi memantapkan bacaan al-Qur'an sebelum mula ke tahap seterusnya iaitu pembacaan al-Qur'an dari juz yang pertama. Penggunaan Alat Ketuk Al-Baghdadi juga kadangkalanya digunakan pada tahap ini tertakluk kepada pengolahan aktiviti daripada guru masing-masing. Di samping itu, pengulangan hukum-hukum tajwid dari modul kedua masih disentuh dalam tahap ini bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi ingatan pelajar terhadap bunyi bacaan yang betul dan tepat.

Modul Keempat dikenali sebagai Modul Talaqqi Neuro Nadi iaitu pembacaan al-Qur'an 30 juz beramai-ramai dengan bimbingan guru. Penyentuhan ilmu tajwid juga masih dibuat kerana pengulangan amat penting demi menjamin kekekalan minda pelajar. Di samping itu, penyentuhan mengenai cara bacaan-bacaan khusus yang jarang dijumpai di dalam al-Qur'an diterangkan lebih mendalam dan terperinci pada tahap ini seperti bacaan hamzah wasal, nun 'iwad, isyamam dan imalah.

Tahap kelima ialah Modul Talaqqi Khas Neuro Nadi iaitu pembacaan al-Qur'an 30 juz berseorangan di hadapan guru. Guru akan mendengarkan, membetulkan dan menghalusi bacaan pelajar yang mengikuti modul ini. Terdapat modul tambahan di pusat ini iaitu Modul Hafazan Neuro Nadi iaitu menghafaz surah-surah pilihan secara berkumpulan. Modul ini amat sesuai untuk disertai bagi mereka yang berjinak untuk menghafaz al-Qur'an dan yang sudah mahir membaca al-Qur'an. Kaedah Hafazan Neuro Nadi ini menggunakan teknik pengulangan yang berkesan dan pengulangan yang dilakukan kadangkalanya tidak disedari oleh pelajar itu sendiri. Pelajar juga mampu mengingat apa yang dihafaz secara berturutan, tidak berturutan dan rambang.

4.2. Pengolahan Tenaga Pengajar

Setiap guru ataupun tenaga pengajar mempunyai teknik dan cara masing-masing dalam mengolah pembelajaran dalam waktu yang ditetapkan. Bagi tenaga-tenaga pengajar Neuro Nadi di Negara Brunei Darussalam, mereka diberikan kursus terlebih dahulu sebelum ditugaskan untuk mengajar sesebuah kelas yang menggunakan Kaedah Neuro Nadi. Kursus ini dilaksanakan supaya guru-guru tahu dan faham akan konsep Kaedah Neuro Nadi.

Dari pemerhatian pengkaji, penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) seperti kad imbas, video dan juga tayangan slaid agak kerap digunakan sepanjang kelas dijalankan. Teknik pergerakan di dalam pembelajaran Tamhid Neuro Nadi juga amat membantu pelajar untuk lebih fokus dan tidak membosankan. Selain menggunakan Alat Ketuk Al-Baghdadi, adakalanya juga guru membuat pergerakan ringkas sambil membaca. Ini amat berkesan kepada pelajar kanak-kanak khususnya dan ternyata ianya berkesan membuatkan pelajar lebih bersemangat dan mahu meneruskan pembelajaran, pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan kerana guru pandai mengolah sesi pembelajaran supaya ianya tidak membosankan.

Teknik 'Guru Tidak Tanya Soalan' amat menarik minat pengkaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam. Teknik ini memang bersesuaian untuk mengawal psikologi individu tidak kira kanak-kanak ataupun dewasa kerana ada sebahagian individu yang mempunyai sifat takut bertanya guru ataupun takut disoal guru. Menariknya dengan kaedah ini, pelajar akan mengulang bacaan yang sama berulang kali tanpa disedari. Ini terjadi apabila guru pandai mengolah cara pembelajaran dengan menontohkan bacaan terlebih dahulu, kemudian membaca secara beramai-ramai, kemudian membaca secara berkumpulan dan juga membaca mengikut kategori yang dicipta oleh guru tersebut seperti sesiapa yang memakai baju berwarna hijau sahaja yang membaca bacaan yang dicontohkan dan sebagainya.

Tenaga pengajar di pusat pengajian ini juga mengongsikan tazkirah pendek bagi tujuan muhasabah diri sebelum memulakan pembelajaran bagi pelajar dewasa. Manakala bagi pelajar di kalangan kanak-kanak, mereka diterapkan dengan nilai-nilai murni bagi kegunaan dan faedah dalam kehidupan mereka sehari-hari. Sesi tazkirah ini membantu pelajar terutamanya pelajar dewasa kerana ianya menimbulkan kesedaran dan menambah semangat pelajar cintakan al-Qur'an di samping menambah ilmu pengetahuan mereka yang sedia ada.

5. Kesimpulan

Kaedah Neuro Nadi ini adalah satu teknik yang baharu di Brunei dan ia memudahkan setiap lapisan masyarakat mempelajari asas al-Qur'an. Penggunaan sistem Struktur, Analisa dan Sintesis (SAS) di dalam kaedah ini ringkas dan padat ditambah lagi dengan penemuan Alat Bantu Mengajar (ABM) yang dikenali sebagai Alat Ketuk Al-Baghdadi. Alat Ketuk ini dipercayai boleh menarik minat anak-anak secara amnya untuk belajar al-Qur'an dengan cara yang lebih menyeronokkan serta merangsang kreativiti.

Modul-modul yang ditawarkan di Pusat-Pusat Pengajian Nadi Quranic amat membantu lapisan masyarakat Brunei dalam pengajian al-Qur'an. Penerimaan dan tindak balas pelajar yang positif di dalam pembelajaran membuktikan kaedah ini berkesan dan dapat digunakan. Pengolahan dan pembawaan tenaga pengajar juga menjadikan pembelajaran tidak membosankan terutama sekali bagi mereka yang mengajar golongan kanak-kanak. Belajar al-Qur'an melalui pendekatan Kaedah Neuro Nadi ini juga adalah sebagai salah satu usaha dalam mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk melahirkan generasi celik al-Qur'an yang lengkap.

Rujukan

- Al-Baghdadi. (2016), Belajar Al-Qur'an Teknik Al-Baghdadi. Diakses pada 15 Mei, 2020 melalui <http://mybaghdadi.blogspot.com/2016/05/belajar-al-quran-teknik-al-baghdadi.html>.
- Apa Itu Teknik Al-Baghdadi? Diakses pada 3 November, 2021 melalui <http://kelasmengaji.weebly.com/teknik-al-baghdadi.html>.
- Jalaluddin Haji Hassanuddin, Qr. (2017). Tajwid Al-Baghdadi. Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd. Selangor, Malaysia.
- Jalaluddin Haji Hassanuddin. (2018). Tamhid Al-Baghdadi. Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd. Selangor. Malaysia.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2004). Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran. Cetakan Ketiga. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Monika@Munirah Abd Razzak, Liyana Nadzirah Md Saril, Nor Hizwani Ahmad Thohir, Nik Mohd Zaim Ab Rahim. (2014). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen: Kajian di Tv Al-Hijrah. Universiti Malaya. Malaysia.
- Norliah Md. Zain. Pelita Brunei. 23 April 2016.
- Norliza Hussin. (2017). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Universiti Malaya. Malaysia.
- Norsyida Md Zin. (2014). Kaedah Bacaan Al-Quran Teknik Iqra' dan Al-Baghdadi Di Kuala Lumpur: Kajian Perbandingan. Universiti Malaya. Malaysia.
- Perbaiki Sistem Pengajaran Al-Quran. Pelita Brunei. 25 April 2016.
- Sharifah Norsyah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin, Nik Azeah Nik Azman. (2018). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al Quran: Kajian Di Masjid UniSZA. Terengganu. Malaysia.